

SIARAN MEDIA

MRT CORP BUKA BIDAAN UNTUK RUANG NIAGA DI STESEN

Kuala Lumpur, 18 Mac 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mempelawa mereka yang berminat bagi mengemukakan cadangan perniagaan dan tawaran untuk ruang niaga di stesen-stesen Laluan MRT Sungai Buloh- Kajang.

Tempoh untuk penyerahan cadangan perniagaan dan tawaran ini bermula pada hari ini dan akan berakhir pada 18 April 2016.

Pengarah Komersail dan Pengurusan Tanah MRT Corp, Dato' Haris Fadzilah Hassan berkata beliau berharap MRT Corp dapat menganugerahkan ruang niaga itu kepada penyewa yang berjaya pada akhir Jun 2016.

"MRT Corp telah memilih model di mana cadangan perniagaan dan bida perlu dikemukakan supaya terdapat ketelusan dalam proses ini. Pada masa yang sama, proses ini juga akan memastikan MRT Corp dapat memperolehi perniagaan dan juga pulangan yang terbaik menerusi sewaan ruang niaga, yang merupakan sumber pendapatan bukan dari tambang yang penting,"katanya.

Haris berkata proses kali ini adalah untuk ruang-ruang pertama bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang, iaitu untuk 41 unit niaga di 21 stesyen- stesyen bertingkat.

"Kami pasti akan membuka lebih banyak ruang niaga untuk disewa dalam masa yang terdekat ini," jelas beliau lagi.

Mengulas lanjut mengenai proses permohonan, Haris berkata pemohon perlu mengemukakan borang permohonan secara dalam talian. Borang tersebut boleh didapati di laman web MRT Corp dalam seksyen "Niaga" di:

- www.mymrt.com.my/my/section-corp-retail dalam Bahasa Malaysia
- www.mymrt.com.my/en/section-corp-retail dalam Bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama, pemohon hendaklah menyediakan salinan maklumat dan dokumen yang berkaitan seperti yang dinyatakan di dalam Panduan Permohonan Ruang Niaga yang boleh didapati di laman web.



Setelah siap, satu salinan borang dalam talian yang telah diisi dengan lengkap bersama-sama dengan salinan asal maklumat dan dokumen yang berkaitan, kemudian hendaklah diserahkan kepada **Jabatan Perolehan MRT Corp, Tingkat 6, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur** pada 18 April 2016 dari pukul 9:00 pagi hingga ke 12:00 tengah hari.

Beliau berkata proses permohonan telah dijelaskan secara terperinci dalam Garis Panduan Permohonan Ruang Niaga yang boleh didapati di laman web.

Haris berkata MRT Corp sedang mencari peniaga-peniaga yang mempunyai idea-idea perniagaan yang menarik dan perkhidmatan- perkhidmatan yang sesuai untuk komuter-komuter dengan gaya hidup bandar. Pada masa yang sama, perniagaan tersebut harus mempunyai daya tahan dan saing yang baik.

"Perniagaan-perniagaan kecil dan tempatan digalakkan memohon. Saya menggesa peniaga-peniaga Bumiputera untuk mengambil peluang yang baik ini kerana kami telah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada unit untuk penyertaan Bumiputera," katanya.

Beliau berkata MRT Corp akan memilih cadangan dinilai yang terbaik dan berhak untuk tidak menerima pembida yang tertinggi.

-Tamat-/

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

*Encik Leong Shen-Li
MRT Corp*

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my